

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, October 20, 2019 1:18 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Aktif Kokurikulum Bukan Penghalang Kejayaan Penerima Anugerah Pingat Emas Canselor



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 OKTOBER 2019 / 21 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Seksyen Fotografi

AKTIF KOKURIKULUM BUKAN PENGHALANG KEJAYAAN PENERIMA ANUGERAH PINGAT EMAS CANSELOR



UUM ONLINE: Mahasiswa holistik tidak hanya hebat dalam kecemerlangan akademik semata-mata, malah mampu berfikir ke hadapan dan mempunyai keseimbangan dalam kehidupan serta menguasai nilai-nilai antarabangsa dan berjati diri.

Cemerlang dalam akademik bukan penghalang kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam (BIFB), Muhammad Taqi'uddin Mohd Hamzah Murghayah

untuk bergiat aktif dalam kokurikulum sehingga merangkul Anugerah Pingat Emas Cancellor pada Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM di Dewan Mu'adzam Shah, semalam.

“Proses pembelajaran perlu selaras dengan keperluan semasa khususnya dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan. Pembahagian masa yang mapan dan teratur merupakan proses yang agak penat dan mencabar tetapi sekiranya formula tersebut diaplikasikan, Insya-Allah boleh diusahakan.

“Bukan manusia sekiranya tiada cabaran dalam kehidupan, cara mengatasi masalah adalah kembali balik dan *reorganize* apa yang perlu dilakukan serta susun strategi bagi kerja-kerja yang perlu dilakukan,” katanya yang memperolehi Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.92.

Anak sulung daripada 10 beradik itu pernah menjadi Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) selama dua tahun sebagai EXCO Akademik 1 dan Timbalan Yang Dipertua 1 pada sesi 2017/2018.

Beliau juga merupakan ahli Beta Gamma Sigma (BGS) yang dipilih daripada 840 insitusi pendidikan perniagaan yang diakreditasi oleh *Association of Advance Collegiate Schools of Business* (AACSB).

Pelbagai kejayaan dicapai antaranya Anugerah Pelajar Terbaik Perancang Kewangan Islam (IFP) 2018 dari Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (FPAM) serta Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM), Ikon College of Business 2018, Anugerah Tokoh Pelajar (Komuniti) 2017, Anugerah Siswa Terbaik 2017 dan Anugerah Siswa Harapan 2016.

Taqi'uddin juga pernah mewakili universiti ke Future China Global Forum 2018, Singapore Regional Business Forum 2018, 1st Asia Pacific Youth Leadership Summit 2018, Invest Malaysia 2019, World Halal Conference 2019 dan Kuala Lumpur Islamic Finance Forum 2019.

Sebagai pemimpin sukarelawan di peringkat global, beliau telah dilatih dalam kepemimpinan dan pengurusan sukarelawan melalui tiga siri misi sukarelawan siswa ke YSS-ASEAN Green Summer Volunteer Campaign 2017 di Ho Chi Minh, Vietnam, YSS-KKN (Kuliah Kerja Nyata) Merajut Nusantara 2018 di Kabupaten Belitung Timur Indonesia dan YSS-ASEAN Sarawak 2018.

Beliau turut mewakili Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ke 9th Global Youth Volunteer Forum 2018 dan 25th IAVE World Volunteer Conference 2018 di Augsburg, Jerman.

Taqi'uddin berkata, dia menimba pengalaman yang benar-benar melangkaui jangkaan dan telah mempelajari banyak perkara menarik, berinteraksi dengan orang dari banyak negara dan menyedari betapa pentingnya menghargai kepelbagaian budaya.

Menurutnya, program sukarelawan yang disertainya itu menghasilkan pemimpin sukarelawan di peringkat global, selain melengkapkan diri dengan kemahiran yang betul selaras dengan visi Pendidikan Nasional Falsafah iaitu pendidikan seimbang sebagai asas untuk aspirasi pelajar.

“Program ini menekankan keseimbangan antara pengetahuan, kemahiran, etika dan moral. Aspirasi tersebut dibina berdasarkan enam sifat iaitu etika dan kerohanian, kemahiran kepimpinan, identiti kebangsaan, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir, dan pengetahuan,” kata anak kelahiran Sepang, Selangor.

Kini, Taqi'uddin berkhidmat sebagai Eksekutif di Kenanga Islamic Investors Berhad (KIIB), anak syarikat kepada Kenanga Investment Bank Berhad (KIBB) dan sedang menyambung

pengajian di peringkat Sarjana Kewangan Islam (MSc) di Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF) dengan biasiswa *INCEIF President's Scholarship* dari Bank Negara Malaysia (BNM).



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.